

Kerajaan akan bertindak jika pembangkang dapat wang pihak luar berniat tertentu – Mahathir

23 MAR 1990

GENTING HIGHLANDS 22 Mac – Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan terpaksa bertindak sekiranya terdapat bukti parti lawan khususnya Semangat 46, DAP dan PAS memperoleh sumber kewangan dari pihak luar yang mempunyai niat tertentu terhadap kerajaan yang ada sekarang.

Perdana Menteri menegaskan perbuatan sebegitu tidak boleh dibiarkan kerana ia boleh menimbulkan

implikasi buruk terhadap negara.

Bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas tahunan dengan pegawai tinggi perkhidmatan kerajaan di Awana Country Club di sini pagi ini, beliau berkata, kerajaan juga mahu tahu adakah parti - parti itu mentadbirkan wang mereka dengan cara yang diizinkan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah yang bersedia membenarkan sumber kewangannya disiasat sekiranya UMNO juga sanggup membenarkan parti lawan berbuat demikian terha-

dapnya.

Perdana Menteri berkata, Tengku Razaleigh tidak seharusnya mengeluarkan kenyataan balas sedemikian kerana beliau pernah menjadi Bendahari UMNO dan tahu bagaimana parti itu memperoleh dan mengendalikan wangnya.

Cara-cara

"Beliau pernah menjadi Bendahari UMNO dan tahu cara - cara yang UMNO buat. Bukan beliau tidak tahu, apa yang beliau hendak tahu lagi," katanya.

Menurut Presiden UMNO itu, kerajaan cuma hendak tahu bagaimana parti - parti lawan mendapat ba-

nyak wang sama ada dari luar negeri, orang tertentu atau sebagainya dan bukanlah bertujuan untuk mencari kepentingan politik semata - mata.

Ditanya mengenai saranan balas Tengku Razaleigh itu supaya sebuah suruhanjaya bebas dibentuk bagi menyiasat sumber kewangan UMNO, beliau berkata:

"Kalau tiap - tiap kali kita hendak buat apa - apa, hendak kena ada suruhanjaya siasat dan sebagainya, kita tidak boleh buat kerja lainlah."

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, nampaknya gelagat parti itu seolah - olah mahu supaya sebuah kerajaan bebas ditubuhkan.